Bil. 6/2021 I Jun I www.library.uitm.edu.my

ISSN : 2735-1920

# IQRA'

Universiti Teknologi MARA

Perpustakaan Tun Abdul Razak

اقْرَأْ

## BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

uitmlibrary | libraryuitm | libraryuitm | library.uitm.edu.my

HARI PUSTAKAWAN 2021



LIVE HD

## LIVE@PTAR

**Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan**
PTAR Cawangan Shah Alam - muka 6




***Silence No More***
PTAR Cawangan Rembau - muka 10




***Cat Parenting 101***
PTAR Cawangan Tapah - muka 21

## WEBINAR



***Cyberbully***
PTAR Cawangan Rembau - muka 11

## BICARA HARI PUSTAKAWAN




**Pustakawan Muda & Norma Baharu**
PTAR Cawangan Sarawak - muka 24

*Hak Cipta Terpelihara PTAR*

# HUNT & WIN@PTAR
## 24 MEI - 4 JUN 2021

Disediakan oleh : Afdhal Irshaad Shamsul Kamal



*Pada 24 Mei hingga 4 Jun 2021, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Raub telah menganjurkan program Hunt & Win@PTAR. Program tersebut telah berlangsung selama 2 minggu dan telah meraih penyertaan seramai 55 orang peserta. Penyertaan program tersebut terbuka kepada semua pelajar UiTM Cawangan Pahang, iaitu di Kampus Jengka dan juga Kampus Raub. Program ini dianjurkan bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam mencari maklumat menggunakan perkhidmatan digital yang perpustakaan sediakan selaras dengan SDG4 (Quality Education).*

*Program Hunt & Win@PTAR merupakan explorace secara maya di mana pelajar perlu menerokai laman sesawang Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang untuk mendapatkan jawapan. Selain itu, program ini juga bertujuan mengasah bakat pelajar dalam mencari maklumat yang tepat dan sahih. Sebanyak 55 penyertaan diterima dan seramai 10 orang pemenang telah dipilih berdasarkan ketepatan jawapan dan kepantasan menghantar penyertaan. 5 orang pemenang bertuah dipilih daripada Kampus Jengka dan 5 orang pemenang bertuah lagi dipilih daripada Kampus Raub. Program ini mendapat maklum balas yang sangat baik daripada peserta dan salah seorang peserta menyatakan bahawa "program ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengenali dengan lebih dekat berkenaan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak PTAR" (Amirah, 2021).*






HUNT & WIN@PTAR

Mohon kerjasama anda untuk kongsikan tiga (3) perkara yang anda suka tentang Program Hunt & Win@PTAR:

1) Dapat memberi banyak maklumat
2) Aktiviti yang dapat menguji minda
3) Dapat mengetahui tentang maklumat yang boleh digunakan ketika membuat assignment

Terima kasih atas kerjasama anda!

Semoga kita berjumpa lagi di program yang akan datang.🤗

-PTAR-

12:56



HUNT & WIN@PTAR

Mohon kerjasama anda untuk kongsikan tiga (3) perkara yang anda suka tentang Program Hunt & Win@PTAR:

1) Arahan yang sangat jelas.

2) Memberi peluang kepada pelajar untuk mengenali dengan lebih dekat berkenaan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak PPTR.

3) Dapat pendedahan kepada pencarian maklumat menggunakan IT dan database yang sedia ada.

Terima kasih atas kerjasama anda!

Semoga kita berjumpa lagi di program yang akan datang.🤗

-PTAR-

17:47

## Maklum Balas



HUNT & WIN@PTAR

Mohon kerjasama anda untuk kongsikan tiga (3) perkara yang anda suka tentang Program Hunt & Win@PTAR:

1) Lebih kenal instrumen yg dibekalkan pihak perpustakaan.
2) Ibarat permainan treasure hunt versi maya.
3) Informasi yg sngat berguna utk kegunaan pelajran.

Terima kasih atas kerjasama anda!

Semoga kita berjumpa lagi di program yang akan datang.🤗

-PTAR-

15:18



HUNT & WIN@PTAR

Mohon kerjasama anda untuk kongsikan tiga (3) perkara yang anda suka tentang Program Hunt & Win@PTAR:

1) Mengajar mahasiswa untuk mendapatkan maklumat daripada sumber yg sahih
2) Mendedahkan para mahasiswa tentang aplikasi-aplikasi yang terdapat di website perpustakaan uitm pahang
3) Dapat serba sedikit pengalaman cara-cara penggunaan dalam website perpustakaan uitm pahang

Terima kasih atas kerjasama anda!

Semoga kita berjumpa lagi di program yang akan datang.🤗

-PTAR-

16:38

